

ROMPIN: Syarikat pengeluar minyak gaharu kalangan Orang Asli yang pertama di Malaysia, Kedaik Agarwood Sdn Bhd baru-baru ini bersetuju menjalin usaha sama dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi meningkatkan kualiti minyak wangi dan produk kesihatan yang dihasilkan.

Pengarah Urusannya, Kamahudin Ang Sew Siang, dari Rancangan Penempatan Semula (RPS) Kedaik, dekat sini berkata hubungan dua hala itu juga dijangka dapat membantunya mengkomersialkan produknya ke pasaran global berdasarkan permintaan tinggi dari negara Timur Tengah.

Katanya, kesediaan penyeleidik UMP membantu menjalankan kajian terhadap pengeluaran minyak wangi yang dihasilkan membuktikan usahanya selama ini tidak sia-sia, malah mendorongnya meningkatkan lagi kualiti minyak wangi berkenaan.

"Bukan sesuatu yang mudah bagi produk kaum Orang Asli memasuki pasaran kerana masyarakat luar masih ragu-ragu dengan keupayaan kami yang majoriti tidak mempunyai pendidikan tinggi."

"Jadi, saya ingin membuktikan apa yang dilakukan bukan sekadar cakap kosong dan saya menganggap ker-



MAZNAH (kiri) diberi penerangan mengenai minyak gaharu oleh Pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Industri UMP, Profesor Dr Mashitah Mohd Yusoff (tengah) dan Kamahudin di RPS Kedaik, Rompin.

AINALMAHRATON ABD GHANI | BERITA HARIAN

Pengeluar minyak gaharu, UMP jalin kerjasama

8/12/2010
Sohnia 7/12/10
ms3

jasama dengan UMP adalah pengiktirafan tertinggi yang saya peroleh ketika mengusahakan produk ini sendirian," katanya ketika ditemui sempena lawatan kerja Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Muadzam Shah, Senator Datuk Maznah Mazlan ke kilangnya di Kedaik, baru-baru ini.

Kamahudin berkata,

sebagai anak Orang Asli, beliau bangga kerana usahanya itu bukan saja mampu meningkatkan pendapatan, malah menjadikan tradisi mencari hasil hutan masyarakat Orang Asli sebagai satu bidang komersial.

"Minyak gaharu mendapat permintaan tinggi di pasaran terutama dari negara Timur Tengah, Taiwan dan China

bagi pembuatan minyak wangi dan produk kesihatan dan mampu dijual sehingga mencecah harga RM100,000 sekilogram bergantung kepada kualitinya.

"Ia jauh berbeza berbanding penjualan kayu gaharu tidak diproses yang mempunyai harga pasaran sehingga RM10,000 bagi kayu berkualiti tinggi," katanya.